

14 AUG 1998

MAHATHIR-PULIH EKONOMI/I

MAHATHIR KATA EKONOMI AKAN PULIH LAMBAT LAUN

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi Malaysia lambat laun akan pulih, terutamanya menerusi perdagangan yang meningkat, tetapi adalah sukar menjangka pemulihan segera daripada pelbagai langkah ekonomi baru.

"Pemulihan segera adalah amat sukar," katanya di dalam satu wawancara dengan Xinhua, agensi berita nasional China.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak akan menggunakan dolar AS untuk berdagang kerana ia tidak mempunyai jumlah yang banyak matawang itu.

"Dalam sebarang hal, jika saudara beli dolar AS untuk membayar dagangan kita, nilai dolar AS akan meningkat lagi," tambahnya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah mencapai persetujuan dengan banyak negara untuk berdagang dalam "matawang kita sendiri."

Perdana menteri itu juga berkata dengan berulang-kali bahawa Malaysia akan bergantung kepada usaha-usahanya sendiri untuk pemulihan ekonomi.

Tambahnya, "Secara asasnya kami masih teguh. Perkara yang paling penting bagi kami adalah kestabilan politik dan sokongan padu oleh rakyat negara ini. Ini bermakna kami boleh mengambil langkah-langkah yang akan disokong sepenuhnya."

Sambil berkata bahawa Malaysia mahu menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, katanya sekiranya Malaysia boleh mengatasi krisis matawang, "kami akan membangun daripada segi perindustrian dan terutamanya sektor teknologi maklumat untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya."

Mengenai kenapa matawang dan pasaran saham Malaysia terus menurun, Dr Mahathir berkata ia tiada kaitan dengan "cara kami mengendalikan ekonomi negara ini."

"Bagi mereka (spekulator matawang), ia adalah semata-mata satu perkara untuk mengaut keuntungan untuk diri mereka sendiri. Jadi oleh kerana mereka boleh buat duit dengan menurunkan nilai matawang kami dan mengurangkan harga-harga saham mereka akan terus berbuat demikian.

"Dan mereka mungkin memberikan pelbagai alasan, sungguhpun alasan-alasan itu tidak berkaitan. Apa yang kami buat untuk diri kami sendiri adalah untuk mengurangkan kesan manipulasi matawang dan pengurangan harga saham dan kelak membolehkan kami meneruskan tanpa perlu meminta bantuan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF)," katanya.

Merujuk kepada kestabilan ekonomi di rantau ini, katanya selagi peniaga-peniaga matawang "boleh bermain-main dengan matawang kita dan selagi wang panas boleh masuk, tidak akan ada kestabilan sebenarnya."

"Jadi kita berusaha untuk mengawal selia aliran modal dan memastikan ia tidak memusnahkan. Ia akan mengambil masa untuk ekonomi-ekonomi pulih untuk seluruh dunia," tambahnya.

Mengenai cara-cara untuk mencergaskan semula Asia, Dr Mahathir berkata, "Pertamanya negara-negara Asia mestilah bekerja sama antara satu sama lain. Rakyat-rakyat Asia mestilah dibenarkan bersatu padu, sekurang-kurangnya untuk membincangkan masalah-masalah bersama. Dengan cara itu, kita boleh menjadi lebih kuat dan mampu melindungi diri kita sendiri."

Ditanya apakah ide-ide yang beliau ada untuk memperbaharui sistem kewangan antarabangsa, Dr Mahathir berkata pertamanya, dagangan matawang mestilah telus sepenuhnya.

"Perlulah ada tempat yang sesuai bagi pedagang-pedagang matawang untuk mengurus niaga dan mereka mestilah didaftarkan. Hendaklah ada undang-undang,

misalnya ke tahap mana matawang boleh diturunkan nilai atau dinaikkan semula," kata Dr Mahathir, sambil menambah kata bahawa pedagang-pedagang matawang mestilah memberikan sebab-sebab yang wajar bagi penurunan nilai itu.

Mengenai bagaimana pendapat beliau mengenai perhubungan China-Malaysia di dalam abad akan datang, katanya, "saya fikir ia akan terus baik. Kita mempunyai perbezaan yang amat kecil dan kita tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman di antara satu sama lain.

"Perdagangan akan berkembang dan kerjasama ekonomi akan turut berkembang. Akan ada lebih banyak pelaburan di dalam negara satu sama lain."

Merujuk kepada perkembangan masa depan di dalam perhubungan dua halanya, Dr Mahathir berkata, "Kepentingan kita adalah di dalam bidang ekonomi. Kami ingin melabur lebih banyak di China dan kami ingin China melabur di sini.

"Kita mesti meningkatkan perdagangan di antara kedua-dua negara, dan kita harus bekerja sama dengan satu sama lain dalam menghadapi tahun-tahun yang sukar di hadapan."

Dr Mahathir turut menyatakan puashatinya bahawa China amat stabil dan kestabilannya adalah amat penting bukan sahaja bagi China sendiri tetapi juga bagi rantau ini.

Mengenai kebimbangan pasaran yang dilaporkan kemungkinan penurunan nilai renminbi, katanya, "Saya amat berterima kasih bahawa China tidak menurunkan nilai matawangannya setakat ini.

"Tetapi tentulah, walaupun saudara menurunkan nilai sedikit, ia tidak akan menjejaskan kami kerana saya fikir berbezaannya tidaklah begitu besar.

"Keadaan kini berbeza daripada setahun lalu. Setahun lalu, jika China telah menurunkan nilai matawangannya, ia akan mempunyai akibat yang amat serius. Tetapi hari ini, kerana matawang-matawang lain diturunkan nilainya terlalu jauh, kalau yuan diturunkan nilai sedikit, ia tidak akan menjejaskan kami sangat."

Tetapi, Dr Mahathir menyatakan kebimbangan mengenai sama ada China boleh menahan tekanan tidak menurunkan nilai, terutamanya apabila Jepun telah menurunkan nilai yennya.

-- BERNAMA

XIN SHY OS